

PRINSIP PERAKAUNAN**Kertas 1****Julai / Ogos****2026****1 ¼ jam****MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

PRINSIP PERAKAUNAN**Kertas 1****1 jam 15 minit**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

- 1 Rekod perakaunan yang paling awal didapati di Babylonia pada tahun 3500 SM. Apakah alat yang digunakan bagi tujuan perekodan pada masa itu?

A Papyrus
B Kulit haiwan
C Batu bersurat
D Kepingan tanah liat

- 2 Teliti rajah berikut.



Apakah X?

- A Ketekalan
B Kos manfaat
C Entiti berasingan
D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 3 Pernyataan manakah merupakan ciri bagi perniagaan Farmasi Umar dan Saffiya?
- A Tanggungan liabiliti terhad
B Modal disumbang oleh pemegang syer
C Berdaftar di bawah Akta Perkongsian 1961
D Pengurusan perniagaan dibantu oleh ahli keluarga
- 4 Apakah dokumen yang digunakan dalam urus niaga tunai?
- A Invois
B Nota Debit
C Resit Rasmi
D Penyata Akaun

- 5 Antara berikut urus niaga manakah merupakan ambilan?
- I Mengambil barang niaga untuk promosi jualan
 - II Membeli alat tulis perniagaan dengan tunai peribadi
 - III Membayar belanja peribadi dengan tunai perniagaan
 - IV Komputer perniagaan diambil untuk kegunaan peribadi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 6 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

<i>Aset</i>	<i>Liabiliti</i>	<i>Ekuiti Pemilik</i>
RM	RM	RM
-550	-700	+150

Urus niaga manakah yang betul?

- A Menerima bayaran bernilai RM550 daripada Akaun Belum Terima, diskaun diberi RM150
- B Membayar hutang bernilai RM700 dengan cek RM550, diskaun diterima RM150
- C Sebuah perabot bernilai RM700 dijual secara kredit pada harga RM550
- D Inventori bernilai RM550 dijual secara kredit pada harga RM700
- 7 Antara berikut manakah merupakan akaun nominal?
- I Gaji
 - II Jualan
 - III Lekapan
 - IV Inventori akhir
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

- 8 Dokumen berikut diperoleh dari buku Syarikat Elektrik Power.

ASAL	INVOIS Mewah Furniture Bhd No. 25B Jalan Bahagia, 70400 Seremban.	INV4512	
Syarikat Elektrik Power No. 16 Jalan Temiang, 70400 Seremban.			
		Tarikh: 5 Januari 2026	
Bil	Butiran	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Set sofa klasik	2 500	2 500
Jumlah			2 500
(Ringgit: Dua Ribu Lima Ratus Sahaja)			
<i>Ita</i> _____ Penerima		<i>Amen</i> _____ Pengurus	

Antara Jurnal Am berikut manakah yang betul?

- A**
- | Tarikh | Butiran | Folio | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|--------|-------------------------|-------|-----------|------------|
| Jan. 5 | Perabot | | 2 500 | |
| | Syarikat Elektrik Power | | | 2 500 |
- B**
- | Tarikh | Butiran | Folio | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|--------|---------------------|-------|-----------|------------|
| Jan. 5 | Perabot | | 2 500 | |
| | Mewah Furniture Bhd | | | 2 500 |
- C**
- | Tarikh | Butiran | Folio | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|--------|-------------------------|-------|-----------|------------|
| Jan. 5 | Syarikat Elektrik Power | | 2 500 | |
| | Perabot | | | 2 500 |
- D**
- | Tarikh | Butiran | Folio | Debit(RM) | Kredit(RM) |
|--------|---------------------|-------|-----------|------------|
| Jan. 5 | Mewah Furniture Bhd | | 2 500 | |
| | Perabot | | | 2 500 |



- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Runcit Sepakat.

Pada 12 Mac 2026, terima cek bernilai RM2 000 daripada Kedai Zara yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM2 250

Catatan manakah yang betul dalam Buku Tunai?

A	Dt	Buku Tunai (petikan)				Kt
	Tarikh	Butiran	Disk. RM	Tunai RM	Bank RM	
	2026 Mac 12	Kedai Zara	250		2 000	

B	Dt	Buku Tunai (petikan)				Kt
	Tarikh	Butiran	Disk. RM	Tunai RM	Bank RM	
	2026 Mac 12	Kedai Zara			2 250	

C	Dt	Buku Tunai (petikan)				Kt
		Tarikh	Butiran	Disk. RM	Tunai RM	Bank RM
		2026 Mac 12	Kedai Zara	250		2 000

D	Dt	Buku Tunai (petikan)				Kt
		Tarikh	Butiran	Disk. RM	Tunai RM	Bank RM
		2026 Mac 12	Kedai Zara			2 250

- 10 Pilih catatan penutupan yang betul.

- I Akaun susut nilai alatan pejabat dipindahkan ke Akaun Perdagangan
- II Akaun belanja membaiki dipindahkan ke Akaun Untung Rugi
- III Akaun duti import dipindahkan ke Akaun Perdagangan
- IV Akaun inventori dipindahkan ke Akaun Untung Rugi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Suzy Trading pada 31 Disember 2025.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
Akaun Belum Bayar	3 460	5 870
Bayaran kepada pembekal		2 250
Diskaun diberi		1 050

Berapakah jumlah belian kredit?

- A RM1 210
 B RM2 410
 C RM4 660
 D RM5 710
- 12 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Bulan Purnama Sdn. Bhd.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2025

	RM	RM
Kenderaan	120 000	
Alat tulis	1 060	
Tunai	1 750	
Modal		108 000
X	6 840	
Y		8 280

Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Derma	Faedah atas pinjaman
B	Faedah atas pinjaman	Derma
C	Gadai janji	Derma
D	Derma	Gadai janji

- 13 Pilih pernyataan yang benar berkaitan perakaunan asas tunai.
- A Sewa prabayar diambil kira sebagai belanja
 B Komisen belum terima direkodkan sebagai hasil
 C Gaji pekerja direkodkan sebagai belanja apabila bayaran dilakukan
 D Untung kasar diperoleh daripada hasil diterima tolak belanja dibayar

- 14** Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Bahrudin.

	RM
Inventori akhir	3 240
Untung kasar	30 608
Susut nilai lengkapan	12 000
Sewa diterima	9 600
Hutang ragu	1 260
Insurans	1 080

Hitung untung bersih.

- A** RM6 668
- B** RM22 628
- C** RM25 868
- D** RM29 108
- 15** Kedai Syahmi menerima komisen RM750 secara atas talian pada 30 November 2025 dan bakinya RM150 akan diterima pada 5 Januari 2026. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Antara berikut catatan manakah yang betul dalam akaun komisen diterima?

- A**

Akaun Komisen Diterima			
	RM		RM
Akaun Perdagangan	900	Bank	750
		Komisen Belum Terima	150
- B**

Akaun Komisen Diterima			
	RM		RM
Akaun Perdagangan	900	Bank	750
		Komisen Belum Terperoleh	150
- C**

Akaun Komisen Diterima			
	RM		RM
Akaun Untung Rugi	900	Bank	750
		Komisen Belum Terperoleh	150
- D**

Akaun Komisen Diterima			
	RM		RM
Akaun Untung Rugi	900	Bank	750
		Komisen Belum Terima	150

- 16 Pernyataan manakah benar mengenai hutang lapuk?
- I Hutang yang telah dihapus kira
 - II Mengurangkan untung perniagaan
 - III Direkodkan disebelah kredit Akaun Untung Rugi
 - IV Dikategorikan sebagai hasil bukan operasi perniagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 17 Maklumat berikut diperoleh daripada Imbangan Duga Kedai Komputer Sumaiyyah pada 28 Februari 2026.

	RM
Perabot (kos)	15 000
Susut nilai terkumpul perabot	2 250

Maklumat tambahan:

Kadar susut nilai perabot adalah 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Hitung susut nilai perabot.

- A RM225
 - B RM1 725
 - C RM1 275
 - D RM1 500
- 18 Imbangan Duga yang disediakan oleh Fatiq Enterprise menunjukkan jumlah debit dan kredit seimbang, namun kerani akaun telah menemui satu kesilapan.
- Apakah kesilapan tersebut?
- A Angkutan masuk telah dicatatkan dalam Akaun Angkutan Keluar
 - B Jualan tunai telah dikreditkan dalam Akaun Jualan dan Akaun Tunai
 - C Belian barang niaga secara tunai telah tertinggal rekod dalam Akaun Belian
 - D Bayaran insurans kedai RM500 dengan cek telah direkodkan dengan betul dalam Akaun Bank tetapi dicatatkan RM5 000 dalam Akaun Insurans

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pelupusan mesin jahit Kedai Chumi pada 31 Mac 2026.

	RM
Nilai buku	4 850
Harga jual	3 450

Perekodan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

A Jurnal Am

Tarikh 2026	Butiran	Folio	Debit RM	Kredit RM
Mac 31	Pelupusan mesin Rugi atas pelupusan mesin		1 400	1 400

B Jurnal Am

Tarikh 2026	Butiran	Folio	Debit RM	Kredit RM
Mac 31	Rugi atas pelupusan mesin Pelupusan mesin		1 400	1 400

C Jurnal Am

Tarikh 2026	Butiran	Folio	Debit RM	Kredit RM
Mac 31	Pelupusan mesin Untung atas pelupusan mesin		1 400	1 400

D Jurnal Am

Tarikh 2026	Butiran	Folio	Debit RM	Kredit RM
Mac 31	Untung atas pelupusan Pelupusan mesin		1 400	1 400

- 20 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Manja Enterprise pada 31 Mac 2026.

	RM
Bank	22 500
Akaun belum bayar	2 100
Inventori akhir	5 900
Faedah pinjaman belum bayar	250
Sewa belum terima	750

Hitung modal kerja.

- A RM25 800
B RM25 300
C RM26 800
D RM27 300
- 21 Antara berikut nisbah manakah yang menunjukkan kemampuan sesebuah perniagaan membayar hutang?
- I Nisbah semasa
II Nisbah ujian asid
III Nisbah kecekapan
IV Nisbah keberuntungan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 22 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Anita.

	RM
Modal pada 1 April 2025	14 000
Modal pada 31 Mac 2026	11 000
Modal tambahan	1 200
Ambilan barang niaga	X
Untung bersih	2 500

Berapakah nilai X?

- A RM1 700
B RM3 000
C RM4 300
D RM6 700

- 23 Berikut merupakan maklumat daripada MARRIZ Printing House.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2025 (petikan)		
Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Mesin	65 000	
Belanja membaiki mesin	3 000	

Maklumat tambahan:

Belanja membaiki mesin RM1 800 telah tersilap rekod ke dalam Akaun Mesin.

Petikan Penyata Kewangan yang manakah betul setelah mengambil kira pembetulan kesilapan?

A Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM	
Belanja membaiki mesin	4 800	

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025

	RM	
Mesin	63 200	

B Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM	
Belanja membaiki mesin	1 200	

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025

	RM	
Mesin	66 800	

C Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

		RM
	Belanja membaiki mesin	4 800

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025

	RM	
Mesin	63 200	

D Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

		RM
	Belanja membaiki mesin	1 200

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025

	RM	
Mesin	66 800	

- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Adabiah.

Buku Tunai (petikan)	
	RM
Jualan	8 500
Akaun Belum Terima	15 000

Maklumat tambahan:

- Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2025 ialah RM6 400 dan pada 31 Disember 2025 ialah RM11 600.
- Pelanggan memulangkan barang rosak bernilai RM800.

Berapakah jumlah jualan yang akan direkodkan dalam Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025?

- A RM21 000
B RM27 400
C RM27 900
D RM29 500
- 25 Mengapakah kawalan tunai perlu diwujudkan dalam perniagaan?
- A Memaksimumkan hasil perniagaan
B Meminimumkan belanja perniagaan
C Menyimpan tunai yang banyak di tangan
D Memastikan aliran tunai yang mencukupi
- 26 Kedai Ahmad menerima cek sebanyak RM3 240 daripada Siti Enterprise. Selepas membuat semakan, beliau mendapati catatan yang direkodkan di Buku Tunai ialah RM3 420 manakala catatan di Penyata Bank ialah RM3 240.
- Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?
- A Debit RM180
B Kredit RM180
C Debit RM3 240
D Kredit RM3 420



- 27 Jadual berikut menunjukkan anggaran belian bagi Perniagaan Nur Kasih bagi bulan Oktober hingga Disember 2025.

Bulan	Anggaran Belian RM
Oktober	25 000
November	30 000
Disember	45 000

Maklumat Tambahan:

40% daripada belian adalah belian kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

Berapakah jumlah pembayaran tunai pada bulan November 2025?

- A RM10 000
 - B RM12 000
 - C RM18 000
 - D RM28 000
- 28 Pernyataan manakah yang benar mengenai Akta Perkongsian 1961?
- A Faedah 8% setahun dibayar atas modal pekongsi
 - B Faedah 6% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
 - C Pekongsi yang menguruskan perkongsian dibayar gaji
 - D Buku akaun perkongsian disimpan di premis perniagaan
- 29 Apakah yang menyebabkan perniagaan perkongsian dibubarkan?
- I Perkongsian telah tamat tempoh
 - II Perkongsian telah mengalami kerugian
 - III Rakan kongsi telah dihadapkan ke mahkamah
 - IV Seorang rakan kongsi telah diisytiharkan bankrap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 30 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Arnie dan Azanie yang bersetuju membahagikan untung atau rugi sama rata.

Perkongsian Arnie dan Azanie
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025

	RM
Untung bersih	40 000

Maklumat tambahan:

- (i) Arnie telah membuat ambilan sebanyak RM1 500 pada 1 Mei 2025 dengan kadar faedah 10% setahun.
- (ii) Faedah atas modal Arnie dan Azanie RM1 500 dan RM2 000 masing-masing.

Berapakah kongsi untung bagi perkongsi Azanie?

- A RM18 300
- B RM18 325
- C RM36 650
- D RM36 600

- 31 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Shiela dan Syamilah.

Imbangan Duga pada 31 Mei 2026 (petikan)

	RM
Faedah atas pinjaman Syamilah	1 230
Faedah atas pinjaman bank	3 570

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026 (petikan)

	RM		RM
Faedah atas pinjaman Syamilah	4 020	Untung Kasar	31 720
Faedah atas pinjaman bank	2 420		

Berapakah faedah atas pinjaman yang akan dimasukkan ke dalam Akaun Semasa?

- A RM1 150
- B RM2 790
- C RM3 570
- D RM4 020



- 32 Berikut adalah infografik bagi terbitan syer Syarikat Bina Jaya.



Pada 1 Julai 2025, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim seperti berikut:

- (a) 6% Syer Keutamaan
- (b) Syer Biasa pada kadar 3%

Hitungkan dividen interim.

- A RM200 000
- B RM270 000
- C RM300 000
- D RM480 000

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Kasturi Berhad.

Syarikat Kasturi Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2026 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
200 000 unit 6% Syer Keutamaan	300 000
500 000 unit Syer Biasa	250 000
	<u>550 000</u>

Berapakah harga sesyer bagi 6% Syer Keutamaan?

- A RM0.50
- B RM1.00
- C RM1.50
- D RM2.00

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 34** Syarikat Herbanika Berhad telah menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1.50 sesyer dan 100 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A** RM400 000
- B** RM466 000
- C** RM600 000
- D** RM650 000

- 35** Antara berikut yang manakah merupakan matlamat penubuhan sesebuah kelab dan persatuan?

- I** Menjaga kebajikan ahli
- II** Mengadakan perkhidmatan sosial, rekreasi dan sukan kepada ahli
- III** Menghasilkan produk untuk dijual pada harga yang tinggi kepada ahli
- IV** Menjalankan perniagaan yang berorientasikan keuntungan kepada ahli

- A** I dan II
- B** I dan III
- C** II dan IV
- D** III dan IV

- 36** Kelab Futsal Taman Kenanga mempunyai 150 orang ahli. Pada 1 Januari 2025 baki-baki berikut diperoleh:

	RM
Yuran belum terima	2 500
Yuran belum terperoleh	1 050

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2025, kelab menerima yuran sebanyak RM20 000. Jumlah ini termasuk RM800 yang diterima bagi tahun 2026.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2025?

- A** RM17 750
- B** RM18 550
- C** RM19 350
- D** RM20 650

- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Rekreasi Jaguh.

	1 April 2025	31 Mac 2026
	RM	RM
Sewa prabayar	420	610
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2026		
		RM
	Sewa	1 500

Berapakah sewa yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026?

- A RM1 310
 B RM1 690
 C RM1 920
 D RM2 110
- 38 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Seri Mutiara pada 1 Januari 2026.

	RM
Overdraf bank	2 000
Kenderaan	40 000
Alatan pejabat	15 000
Yuran belum terperoleh	900
Yuran belum terima	1 120
Akaun belum bayar	1 200

Berapakah Dana Terkumpul pada 1 Januari 2026?

- A RM51 580
 B RM52 020
 C RM55 580
 D RM56 020

- 39 Kilang Trigona Berhad membayar gaji pengurus kilang sebanyak RM8 600 sebulan. Apakah komponen perbelanjaan tersebut di dalam kos pengeluaran?
- A Kos prima
B Kos berubah
C Kos overhead
D Kos buruh langsung
- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Kek Shahira yang membekalkan kek coklat di sekitar bandar Seremban.

	RM
Kos tetap	18 000
Kos berubah seunit	10
Harga jualan seunit	15

Berapakah bilangan kek yang perlu dikeluarkan jika sasaran untungnya ialah RM3 500?

- A 1 400 unit
B 2 150 unit
C 3 600 unit
D 4 300 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

